

19 MAR 1999

PERDAGANGAN-MALAYSIA

PEMIMPIN AUSTRALIA BERI AMARAN ANCAMAN PERDAGANGAN BARU

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Victoria Jeff Kennett semalam memberi amaran "ekonomi-ekonomi kecil" seperti Malaysia dan Australia mungkin berdepan dengan "ancaman besar" daripada susunan dagangan baru yang sedang berkembang di seluruh dunia, terutama di Eropah.

Beliau berkata Australia, yang menyumbang hanya 1.5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar dunia, terpaksa berdepan dengan cabaran yang besar melainkan ia membentuk hubungan perdagangan rapat dengan Malaysia dan negara jiran Asia yang lain.

Bercakap di forum perniagaan kebangsaan Majlis Perniagaan Australia-Malaysia, Kennett berkata dijangka G-7 yang dianggotai oleh negara-negara perindustrian utama akan dikurangkan kepada G-3 dengan Amerika Syarikat (AS), Jepun dan Kesatuan Eropah menguasai ekonomi dunia.

Kumpulan G-7 terdiri daripada AS, UK, Jepun, Kanada, Perancis, Jerman dan Itali.

Kennett berkata perdagangan bebas akan terus dibukakan di benua Amerika dengan beberapa negara Amerika Latin telahpun berbincang mengenai kemungkinan menjadikan dolar AS matawang asas mereka.

"Susunan baru itu berlaku di seluruh dunia dan akan menjejaskan kita ketika kita memasuki abad ke-21," katanya.

Kennett, yang menjalankan Perkhidmatan Negara di Melaka pada pertengahan 1960-an, berkata Australia tidak dijangka akan menamatkan hubungan dengan matawang Asia.

Dengan menyatakan terdapat banyak kerja yang perlu dilakukan untuk memperkenalkan perdagangan bebas di rantau ini, Kennett, yang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Sukan Komanwel pada September tahun lalu, memuji peranan Malaysia dalam menggalakkan perdagangan bebas dan mengurangkan halangan bagi eksport Australia.

Beliau berkata terdapat keperluan untuk membina hubungan politik yang baik antara Australia dengan Malaysia.

Meskipun kadang-kadang terdapat "beberapa gangguan" di antara Malaysia dan Australia sejak dahulu, hubungan antara kedua-dua negara itu tetap kukuh, katanya.

Kennett berkata hubungan rapat boleh dimajukan dalam sektor seperti kesihatan, multimedia dan teknologi maklumat, kewangan dan pendidikan.

-- BERNAMA

NDC ZK